



IKLAN JAWATAN KOSONG
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut :

Bil.	Skim Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Gred Lantikan	Taraf Lantikan	Kekosongan
1.	Juruaudit	Kewangan	W41	Kontrak	1
2.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Pekerja Sambilan Harian bertaraf Diploma	PSH setaraf Diploma	Kontrak (Minimum ; 3 Bulan)	2
3.	Pegawai Skim Perkhidmatan Singkat	<i>Contract for Service</i>	Setaraf SPM/ Gred 19	Kontrak	6

SKIM PERKHIDMATAN : **JURUAUDIT**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI : W41
TARAF LANTIKAN : KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)

JADUAL GAJI

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>	<u>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</u>
RM2,094.00	RM9,585.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W41: RM2,300.73); atau
 - (b) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W41: RM2,819.63); atau
 - (c) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred W41: RM2,819.63); atau
 - (d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred W41: RM2,923.41); atau
 - (e) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM3,027.19)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERINGATAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (2) Syarat Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia (SVM)
 - (a) Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang ditawarkan Lembaga perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** seperti berikut:-
 - i. lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan SPM; **atau**
 - ii. lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang terkumpul dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
 - (b) Memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.
- (3) Kelayakan SVM Sebagai Syarat Lantikan Dalam Perkhidmatan Awam
 - (a) Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam perkhidmatan awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat SVM, calon hendaklah memenuhi syarat minimum SVM berikut:
 - i. Mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (Gred C); **dan**
 - ii. Kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**
TARAF JAWATAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN
KADAR UPAH : RM72 SEHARI

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
 - (c) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (d) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (e) Sijil dalam bidang teknologi maklumat, prosesan data atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (f) Diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (g) keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] serta mempunyai kenderaan sendiri; dan
 - (h) sihat tubuh badan.

SYARAT KHAS

- (1) Mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam pengaturcaraan dan pangkalan data sekurang-kurangnya menggunakan PHP dan MySQL

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERKHIDMATAN

- (1) Tempoh perkhidmatan PSH hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi

SKIM PERKHIDMATAN : **PEGAWAI SKIM PERKHIDMATAN SINGKAT**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : *CONTRACT FOR SERVICE (CFS)*
GRED JAWATAN/GAJI : SETARAF SPM/ GRED 19
TARAF LANTIKAN : KONTRAK (*CONTRACT FOR SERVICE*)

JADUAL GAJI

<u>Kadar Bayaran Perkhidmatan (Tetap)</u>	<u>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</u>
RM1,600.00	Tiada

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) **Lelaki sahaja.**
 - (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan:
 - (i) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan; atau
 - (ii) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
 - (c) keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] serta mempunyai kenderaan sendiri; dan
 - (d) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERKHIDMATAN

- (1) Tempoh minimum perkhidmatan yang ditawarkan Lembaga adalah selama satu (1) tahun (bermula dari tarikh lantikan).

DESKRIPSI TUGAS

- (1) Membantu pelaksanaan Operasi Pengepaman Air Kolam ke Sungai Selangor (OPAK) di Mukim Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor.
- (2) Melaksanakan pemantauan berterusan di kolam-kolam berkaitan dengan OPAK serta Sungai Selangor termasuk kesediaan bekalan bahan api, operator dan pam.
- (3) Menyelaras kawalan keselamatan dan komunikasi bersama agensi berkaitan seperti Polis, RELA dan Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor.
- (4) Mengemaskini dan menyemak data di Bilik Gerakan OPAK.
- (5) Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan Pegawai Penyelia dari semasa ke semasa.

SYARAT PERMOHONAN

- (1) Permohonan hendaklah menggunakan borang Pindaan. LUAS 2/2007 yang boleh diperolehi di Portal LUAS <https://www.luas.gov.my>
- (2) Penetapan pelantikan pegawai Perkhidmatan Awam di pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut ;
 - (a) Pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
 - (b) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
 - (c) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun.

Pembuktian bagi mana-mana syarat pada perenggan seperti maksud di atas hendaklah dikemukakan melalui dokumen yang sah di sisi undang-undang dan **beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.**

- (3) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan dokumen yang berikut **(keperluan pengesahan dokumen berkaitan tidak diperlukan)**:
 - (a) Salinan Kad Pengenalan.
 - (b) Salinan Surat Beranak.
 - (c) Salinan sijil PMR/SPM/SVM
*mana-mana yang berkaitan
 - (d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah terakhir
 - (e) Salinan sijil-sijil kelayakan akademik dan salinan transkrip bagi sijil yang berkenaan.
 - (g) Gambar berukuran pasport.
- (4) Pegawai-Pegawai Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memohon melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan mengemukakan sesalinan rekod Kenyataan Perkhidmatan (Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan ; BRP) yang terkini dan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang disahkan.
- (5) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (6) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.

- (7) Pihak Lembaga tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.
- (8) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat, dan ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah atas kiri sampul surat berkenaan dengan HURUF BESAR.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan yang lengkap beserta resume hendaklah dihantar melalui surat menggunakan alamat tertera atau emel seperti berikut ;

- (1) **PENGARAH,
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR,
TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
(U/P : UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INTEGRITI)**

- (2) hrgroups@luas.gov.my

Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 21 Julai 2021 (Rabu)